



Isa Kamari

www.isakamari.com
Labirin Maya Sasterawan Nusantara

Isa Kamari dilahirkan di Singapura pada 19 Mei 1960. Menerima pendidikan di Institusi Raffles, Maktab Rendah Nanyang, dan Universiti Nasional Singapura sehingga meraih Sarjana Muda Sastera (1985) dan Sarjana Muda Senibina (Kepujian) pada 1988. Beliau pernah bertugas sebagai arkitek di Lembaga Perumahan dan Pembangunan, *HDB* (1988-1993) dan di sebuah firma senibina setempat (1993-1996). Kini beliau bertugas sebagai penolong pengurus senibina dengan Penguasa Pengangkutan Darat, *LTA* di Singapura.

Mula menulis sejak di bangku sekolah. Sajak sulungnya terbit di Berita Minggu, Singapura pada 1979. Selain dikenali sebagai penyair, beliau juga penulis cerpen, esei sastera, novel dan skrip drama TV.

Kumpulan sajaknya *Sumur Usia* memenangi Anugerah dari Majlis Pembangunan Buku Nasional, Singapura (1994). Beliau pernah juga meraih Hadiah Sastera Anugerah Persuratan anjuran Majlis Bahasa Melayu, Singapura dalam bidang cerpen (1997), esei sastera (2001). Hadiah Penghargaan bagi Novel 'Satu Bumi' (2003), novel Menara (2004) dan lain-lain.. Selain itu memenangi Hadiah Penghargaan Saadon Ismail, anjuran Persatuan Wartawan Melayu, dalam *genre* puisi dan cerpen (1995). Sementara, Novel *Kiswah* pula telah dicalonkan untuk 'Singapore Literature Prize' pada 2004, manakala novel *Satu Bumi* dipilih untuk acara 'Baca! Singapura' pada 2005.

Karya-karyanya yang lain ialah *Sumur Usia* (1993), *Munajat Sukma* (2003), *Sketsa Minda* (1994), Novel sulungnya *Satu Bumi* (1998), *Kiswah* (2002), *Menara* (2002), dan *Tawassul* (2002). Beliau juga telah menghasilkan skrip drama TV 10 episod berjudul *Dua Wajah* (2003) dan *Mengejar Bayangan* (2005), dan Album Lagu-lagu Puisi "Cinta Arafah" (2005)

Pada ketika ini beliau menganggotai :

- a) Majlis Bahasa Melayu Singapura
- b) Lembaga Arkib Negara Singapura
- c) Panel Penasihat Perkhidmatan Melayu Perpustakaan Negara
- d) Komiti Pengemudi Majlis Kesenian Negara
- e) Komiti Penyelia Minggu Penulis Singapura